

'Terpulang kepada DAP keluar dari PR'

Dasar baru pemilikan rumah di Kedah jadi isu

Oleh Johari Ibrahim
joib@bharian.com.my

ALOR STAR: Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata, terpulang kepada DAP untuk keluar daripada Pakatan Rakyat (PR) di negeri ini jika tidak bersejua dengan dasar baru pemilikan rumah iaitu kuota Bumiputera dinaikkan daripada 30 kepada 50 peratus di semua projek perumahan.

"Itu hak dialah (DAP), kalau mereka hendak keluar (PR) saya hendak buat macam mana... mana boleh saya tahan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, semalam.

Beliau juga membidas tin-

dakan pemimpin DAP dari luar Kedah yang campur tangan dalam isu itu sedangkan ia dipersetujui oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) tunggal DAP di Kedah, Lee Guan Aik dan parti Gerakan.

Bagaimanapun, akhbar melaporkan Gerakan dan DAP Kedah saling sokong-menyokong membantah dasar baru itu.

"Mengapa (pemimpin DAP) Selangor hendak datang sini (masuk campur), ini urusan Kedah dan biarlah kita selesaikan masalah kita... Jangan sibuk hal orang lain," katanya.

Beliau mengulas ugutan Ahli Jawatankuasa Pusat (CEC) DAP, Teng Chang Kim, yang menyokong jika Lee ma-

hu meninggalkan PR dan menjadi pembangkang di Kedah jika Kerajaan Pas Kedah meneruskan dasar itu.

Teng dilaporkan berkata, ahli CEC DAP Perak, Datuk Ngeh Koo Ham, juga bersejua jika Lee mahu bertindak demikian.

Azizan berkata, tindakan ugut-mengugut itu tidak akan menguntungkan kerajaan PR.

"Kalau di Selangor dan Perak pula Pas ugut untuk keluar (PR), apa mereka akan kata.

"Saya tidak suka orang ugut saya. Janganlah ugut, biar Kedah selesaikan masalah kita sendiri," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan mengeluarkan kertas putih mengenai dasar



“Itu hak dialah (DAP), kalau mereka hendak keluar (PR) saya hendak buat macam mana... mana boleh saya tahan”

Azizan Abdul Razak
Menteri Besar Kedah

itu untuk memberi penjelasan kepada semua pihak.

Azizan sebelum ini dilaporkan berkata dasar itu diperkenalkan untuk memastikan Bumiputera yang membentuk 80 peratus daripada kira-kira dua juta penduduk Kedah tidak terpinggir daripada memiliki rumah mampu milik.

Calon Timbalan Presiden guna wang: Dr Mahathir

PUTRAJAYA: Bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau percaya ada calon jawatan Timbalan Presiden menggunakan wang bagi mendapatkan pencalonan untuk melayakkannya bertanding pada pemilihan parti, Mac depan.

Dr Mahathir berkata, kemungkinan itu besar kerana ada calon yang sudah ketinggalan pada peringkat awal persidangan perwakilan Umno bahagian tiba-tiba mendapat banyak pencalonan sehingga layak bertanding.

"Apabila anda tahu seseorang mempunyai rekod buruk mendapat sokongan penuh mungkin sesuatu perkara tidak betul sedang berlaku," katanya selepas menyampaikan ucapan pada siri syarahan Perdana 'Bangsa Malaysia' di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Dr Mahathir yang diminta mengulas mengenai dakwaan wujudnya politik wang semasa proses pencalonan bagi pemilihan Umno pada Mac de-

pan juga menyarankan tindakan drastik diambil bagi menyingkirkan calon yang terbabit dalam perbuatan itu.

Katanya, Umno akan kalah teruk pada pilihan raya umum akan datang jika pemimpin yang terbabit dalam politik wang tidak dibuang.

"Humban pemimpin yang rasuah ke dalam penjara. Mungkin Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) boleh digunakan terhadap mereka, bukannya terhadap seseorang yang menulis perkara karut dalam internet," katanya berseloroh.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menafikan sistem kuota yang diperkenalkan beliau ketika pemilihan Umno pada 1996 adalah antara punca politik wang dan rasuah.

"Saya berpendapat calon akan sukar untuk merasuah semua bahagian tetapi mereka akan mencari jalan lain untuk mendapatkan pencalonan. Akhirnya rasuah tetap berlaku tetapi dalam keadaan yang berbeza," katanya.

Aston Martin DBS kini tiba di Shell.

QUANTUM OF SOLACE
7

DI PAWAGAM 6 NOV



Aston Martin DBS
Dipandu oleh Daniel Craig
dalam Quantum of Solace

Kumpulkan kesemua 5 kereta James Bond sekarang.

Segeralah ke stesen Shell berhampiran anda – kereta Bond terbaru dan terunggul kini tiba. DBS dalam Quantum of Solace akan meluncur sebaris dengan DB5, Sunbeam Alpine, Lotus Esprit dan BMW Z3 untuk melengkapkan koleksi kereta-kereta Bond anda.

Isikan petrol Shell sekurang-kurangnya RM40 atau belilah Shell Helix (3L atau 4L) dan milikilah kereta-kereta Bond pada harga RM5.50 satu.*



Sunbeam Alpine 5
Dipandu oleh Sean Connery
dalam Dr. No

BMW Z3 Roadster
Dipandu oleh Pierce Brosnan
dalam GoldenEye

Aston Martin DB5
Dipandu oleh Sean Connery
dalam Goldfinger

Lotus Esprit
Dipandu oleh Roger Moore
dalam The Spy Who Loved Me

www.shell.com.my

Promosi tamat 17 Disember 2008, selagi stok masih ada.

*Mengikut terma dan syarat.
Kereta-kereta yang dipaparkan adalah ilustrasi semata-mata. Model sebenar mungkin berbeza.

